

## KENYATAAN MEDIA

### MALAYSIA: PRESTASI PELABURAN 2012

27 FEBRUARI 2013

KENYATAAN OLEH:

YB DATO' SERI MUSTAPA BIN MOHAMED

MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI


---

#### Sorotan:

- Pelaburan swasta Malaysia yang direalisasikan pada tahun 2012 telah melebihi sasaran RM127.9 bilion.
- Pelaburan dan pekerjaan diluluskan pada tahun 2012 telah memecah semua rekod:
  - Telah menarik jumlah pelaburan tertinggi yang pernah dicatatkan: RM162.4 bilion.
  - Telah membuat progres yang kukuh dalam pembangunan industri bagi teknologi baharu dan baharu muncul.
  - Mewujudkan 182,841 pekerjaan – melebihi sebarang tahun lain.
  - Aliran masuk pelaburan domestik telah meningkat kepada hampir empat kali ganda daripada FDI.

#### Pelaburan Swasta yang Direalisasikan

Berikutan usaha mengagumkan kedua-dua sektor awam dan swasta, Malaysia telah mencapai rekod berjumlah RM139.5 bilion dalam pelaburan swasta (diukur dari segi Pembentukan Modal Tetap Kasar – GFCF) iaitu satu kenaikan sebanyak 24.8% berbanding dengan RM111.8 billion yang dicatatkan pada tahun 2011. Hasil daripada prestasi pelaburan Malaysia yang mantap pada tahun lepas, negara telah mengatasi sasaran pelaburan swasta berjumlah RM127.9 billion bagi tahun 2012 sebanyak 9.1%.



## **Setahun Secara Ringkas – Pelaburan Diluluskan**

Malaysia telah menarik nilai pelaburan berjumlah RM162.4 bilion pada tahun 2012 iaitu melebihi sebarang tahun lain walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Ini merupakan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM127.6 billion (78%) telah disumbangkan oleh pelaburan domestik (DDI) dan sejumlah RM34.8 billion (22%) telah diperolehi dari pelaburan asing (FDI).

Sesuatu yang amat memberangsangkan adalah aliran masuk pelaburan domestik telah meningkat dengan ketara sebanyak hampir empat kali ganda nilai FDI yang dicapai pada tahun 2012 iaitu satu petunjuk jelas terhadap keyakinan dimiliki pelabur tempatan dalam keupayaan negara untuk memakmurkan pelaburnya. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan domestik secara aktif seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10.

Pelaburan diluluskan adalah dalam 6,442 projek dan dijangkakan akan mewujudkan 182,841 peluang pekerjaan. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar jumlah pekerjaan berpotensi dalam ekonomi dengan 103,180 peluang pekerjaan atau 56.4% yang diikuti oleh sektor perkilangan dengan 76,631 peluang pekerjaan (41.9%) dan sektor utama sebanyak 3,030 peluang pekerjaan (1.7%).

Peralihan tenaga kerja dalam sektor perkilangan sedang berlaku dengan bilangan pekerjaan yang semakin meningkat dalam pekerjaan lebih berkemahiran tinggi. Perlu diperhatikan bahawa daripada 76,631 peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor perkilangan, 56,353 atau 73.5% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja berkemahiran.

Kebanyakan pelaburan pada tahun 2012 adalah dalam teknologi baharu dan baharu muncul terutamanya dalam industri aeroangkasa, semikonduktor, solar, jentera dan kelengkapan, bioteknologi, petroleum dan produk petrokimia dan peralatan perubatan serta sektor perkhidmatan minyak dan gas.

Pencapaian yang membanggakan telah dapat dilakukan melalui strategi Kerajaan dalam menarik pelaburan berkualiti yang meliputi pengukuhan ekosistem Malaysia bagi industri sedia ada untuk melengkapkan rantaian nilai ekonomi.

Malaysia kini telah mencapai reputasi yang baik sebagai satu hab global dan serantau untuk perkilangan dan perkhidmatan dengan menarik pelaburan yang akan mempercepatkan peralihan negara kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Antara syarikat yang akan menubuhkan hab global dan serantau mereka di Malaysia termasuk Freudenberg-NOK ST, Spansion, Frost & Sullivan, Darden dan IBM.

### **Pelaburan dalam Sektor Perkilangan**

Penurunan atau kelembapan dalam aliran masuk FDI global serta persekitaran global yang semakin kompetitif merupakan cabaran yang dihadapi Malaysia pada tahun 2012. Walaupun dalam keadaan yang mencabar, Malaysia masih mampu menarik sejumlah besar pelaburan dalam sektor perkilangan.

Pada tahun 2012, sebanyak 804 projek perkilangan telah diluluskan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM41 bilion berbanding dengan RM56.1 bilion untuk 846 projek perkilangan pada tahun 2011.

Pelaburan terutamanya adalah dalam kelengkapan pengangkutan (RM7.8 bilion), kimia & produk kimia (RM6.4 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM6 bilion), produk elektrikal & elektronik (RM4 bilion), produk logam asas (RM3.8 bilion), pengeluaran makanan (RM3.4 bilion), jentera & kelengkapan (RM1.9 bilion) dan produk getah (RM1.4 bilion). Lapan industri teratas dari segi pelaburan ini menyumbang kepada RM34.8 bilion atau 85 %

daripada jumlah pelaburan diluluskan. Kesemua industri ini telah mencatatkan paras pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 kecuali bagi produk E&E, produk logam asas dan pengeluaran makanan.

Pelaburan asing dalam sektor perkilangan pada tahun 2012 berjumlah RM20.8 bilion dan telah menyumbang kepada 50.7% daripada jumlah pelaburan. Baki RM20.2 bilion atau 49.3% merupakan pelaburan daripada sumber domestik. Dalam menghadapi cabaran ekonomi global semasa, adalah penting bagi pelaburan domestik mengambil alih dalam memacu transformasi ekonomi Malaysia. Negara berada di landasan yang betul untuk mencapai transformasi ini di mana sumbangan pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2012 telah meningkat daripada 39% pada tahun 2011 kepada 49.3% pada tahun 2012..

Pada tahun lepas, 64% FDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah dari negara-negara Asia. Sumber utama pelaburan asing merupakan negara Jepun (RM2.8 bilion), Saudi Arabia (RM2.6 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), Republik Rakyat China (RM2 bilion) and Republik Korea (RM1.6 bilion). Gabungan lima negara ini telah menyumbang kepada 53.8% jumlah pelaburan asing diluluskan dalam tempoh tersebut.

Malaysia kekal sebagai magnet bagi pelaburan *greenfield*. Negara telah menarik pelaburan baharu yang ketara berjumlah RM26.8 bilion (473 projek) atau 65.4% daripada jumlah pelaburan diluluskan. Syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia juga terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka yang mencerminkan keyakinan berterusan mereka dalam persekitaran pelaburan negara. Sebanyak 331 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM14.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2012. Koridor Wilayah telah menarik 51.7% nilai pelaburan dalam sektor perkilangan pada tahun 2012. Berdasarkan nilai pelaburan dalam projek yang diluluskan dengan Lesen Pengilang, Koridor Pembangunan Sabah telah mencatatkan paras tertinggi (RM5.0 bilion) yang diikuti oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (RM4.6 bilion), Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (RM4.3 bilion), Iskandar Malaysia (RM4.2 bilion) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (RM3.1 bilion).

Projek diluluskan pada tahun 2012 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 76,631 orang di mana 23% (17,422) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) manakala 51% adalah dalam kategori pekerja berkemahiran (38,931). Kebanyakan peluang pekerjaan telah diwujudkan adalah dalam subsektor E&E (18,163 pekerjaan) diikuti dengan kelengkapan pengangkutan (11,669 pekerjaan) dan pengeluaran makanan (7,062 pekerjaan).

Sektor perkilangan negara sedang melalui fasa transformasi dan penstrukturkan semula. Berikutan aktiviti pemasangan bernali ditambah rendah menjadi semakin kurang penting, pihak industri dijangkakan akan mengurangkan pelaburan mereka ke dalam sektor bernali rendah dan meningkatkan aktiviti bernali ditambah baharu yang akan membuka peluang pertumbuhan baharu. Kewujudan ekosistem perniagaan baharu ini akan menyokong pasaran bagi pekerjaan berkemahiran tinggi dan meransang pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan terus melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu pelabur dalam pelaksanaan projek yang diluluskan. MIDA juga akan terus mengurus dan memantau projek di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada dengan tujuan untuk membantu kerajaan negeri dalam menaiktaraf dan memperbaiki infrastruktur asas dalam kawasan perindustrian sedia ada. Ini telah menyumbang kepada satu kadar pelaksanaan yang tinggi dalam projek diluluskan.

Sebanyak 4,245 projek perkilangan telah diluluskan sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,213 projek atau 75.7% telah dilaksanakan di mana 3,005 projek (70.8%) adalah dalam pengeluaran setakat 31 Disember 2012 dan 208 projek (4.9%) berada di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan mesin. Jumlah modal pelaburan dalam 3,213 projek yang dilaksanakan bernali RM147.2 billion.

## **Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan**

Usaha kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia terus membawa hasil pada tahun 2012 dan sektor ini dijangka akan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi dalam dekad ini. Sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 72% daripada pelaburan diluluskan ke dalam ekonomi pada tahun lepas.

Sektor ini meliputi pelbagai jenis perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; pengedaran perdagangan; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

Sebanyak 5,536 projek telah diluluskan pada tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM117.6 bilion yang melebihi jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM70.4 bilion pada tahun 2011 sebanyak 67%. Pelaburan domestik berjumlah RM105.4 bilion telah menyumbang sebanyak 90% daripada pelaburan dengan baki selebihnya adalah daripada pelaburan asing.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor harta tanah terus menjadi penyumbang utama dengan pelaburan diluluskan bernilai RM58.8 bilion diikuti dengan subsektor utiliti (RM12.6 bilion), hotel dan pelancongan (RM8.9 bilion), pengangkutan (RM6.8 bilion) dan telekomunikasi (RM6.6 bilion). Peningkatan pelaburan dalam sektor perkhidmatan mencerminkan liberalisasi dasar ekuiti yang progresif, dan dasar Kerajaan yang menyokong dan memudahkan cara telah meningkatkan tahap daya saing sektor ini dan memberi sumbangan ketara kepada ETP.

## **Pelaburan dalam Sektor Utama**

Sektor utama merangkumi tiga subsektor iaitu pertanian, perlombongan, dan perladangan dan komoditi. Pada tahun 2012, sektor ini telah menarik pelaburan bernilai RM3.8 bilion bagi 102 projek. Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM1.8 bilion (47%) manakala pelaburan domestik bernilai RM2 bilion (53%).

Subsektor perlombongan menerajui subsektor lain dengan pelaburan diluluskan mencecah RM2.7 bilion dalam 18 projek. Pelaburan dalam carigali minyak dan gas merangkumi 99 peratus daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini.

Sektor utama selebihnya terdiri daripada subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan berjumlah RM548.7 juta serta subsektor pertanian yang telah mencatatkan pelaburan bernilai RM507.8 juta.

### **Transformasi Berterusan**

Asas ekonomi negara kekal kukuh walaupun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah berkembang dengan kadar 5.6% pada tahun 2012 berbanding 5.1% pada tahun 2011. *The International Monetary Fund (IMF)* meramalkan bahawa ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.5% pada tahun ini. Ekonomi Malaysia dijangka akan mengekalkan pertumbuhan antara 4.55 dan 5% pada tahun 2013.

Dengan mengambil kira pembangunan ekonomi makro dan masyarakat global dan serantau, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan pendekatan ekosistem bagi mempromosi pelaburan swasta dalam ekonomi. MIDA akan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan pelabur individu yang berpotensi dan memanfaatkan kelebihan kompetitif baharu untuk Malaysia dalam ia mensasarkan produk, teknologi dan perkhidmatan terpilih untuk melengkapkan rantaian nilai ekonomi.

Di samping itu, tumpuan akan diberikan kepada *megatrends* dan pembangunan produk sasaran dan aplikasi teknologi termaju seperti *artificial intelligence*, robotik, percetakan 3D dan teknologi pengeluaran yang lebih bijak dan fleksibel.

Malaysia secara berterusan telah menerima pengiktirafan yang menggalakkan oleh organisasi antarabangsa. *The World Bank Report 2013 Edition* telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-12 paling mesra perniagaan di dunia yang mendahului negara Jerman (tempat ke-20), Jepun (tempat ke-24) dan

Switzerland (tempat ke-28). Ini merupakan kedudukan tertinggi negara sejak Bank Dunia dan *International Finance Corporation* mula mengumpul maklumat kedudukan tahunan pada tahun 2005. Malaysia juga telah disenaraikan sebagai negara ke-25 paling kompetitif di dunia oleh *World Economic Forum* di dalam *Global Competitiveness Report 2012-2013*, yang juga turut mengiktiraf negara telah maju ke hadapan daripada ekonomi yang dipacu oleh kecekapan kepada ekonomi yang dipacu inovasi. Prestasi Malaysia yang kukuh dalam senarai kedudukan antarabangsa akan pasti meningkatkan lagi usaha Negara dalam menarik FDI global.

## **Setahun Secara Ringkas – Pelaburan Diluluskan**

Malaysia telah menarik nilai pelaburan berjumlah RM162.4 bilion pada tahun 2012 iaitu melebihi sebarang tahun lain walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Ini merupakan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM127.6 billion (78%) telah disumbangkan oleh pelaburan domestik (DDI) dan sejumlah RM34.8 billion (22%) telah diperolehi dari pelaburan asing (FDI).

Sesuatu yang amat memberangsangkan adalah aliran masuk pelaburan domestik telah meningkat dengan ketara sebanyak hampir empat kali ganda nilai FDI yang dicapai pada tahun 2012 iaitu satu petunjuk jelas terhadap keyakinan dimiliki pelabur tempatan dalam keupayaan negara untuk memakmurkan pelaburnya. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan domestik secara aktif seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10.

Pelaburan diluluskan adalah dalam 6,442 projek dan dijangkakan akan mewujudkan 182,841 peluang pekerjaan. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar jumlah pekerjaan berpotensi dalam ekonomi dengan 103,180 peluang pekerjaan atau 56.4% yang diikuti oleh sektor perkilangan dengan 76,631 peluang pekerjaan (41.9%) dan sektor utama sebanyak 3,030 peluang pekerjaan (1.7%).

Peralihan tenaga kerja dalam sektor perkilangan sedang berlaku dengan bilangan pekerjaan yang semakin meningkat dalam pekerjaan lebih berkemahiran tinggi. Perlu diperhatikan bahawa daripada 76,631 peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor perkilangan, 56,353 atau 73.5% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja berkemahiran.

Kebanyakan pelaburan pada tahun 2012 adalah dalam teknologi baharu dan baharu muncul terutamanya dalam industri aeroangkasa, semikonduktor, solar, jentera dan kelengkapan, bioteknologi, petroleum dan produk petrokimia dan peralatan perubatan serta sektor perkhidmatan minyak dan gas.

Pencapaian yang membanggakan telah dapat dilakukan melalui strategi Kerajaan dalam menarik pelaburan berkualiti yang meliputi pengukuhan ekosistem Malaysia bagi industri sedia ada untuk melengkapkan rantaian nilai ekonomi.

Malaysia kini telah mencapai reputasi yang baik sebagai satu hab global dan serantau untuk perkilangan dan perkhidmatan dengan menarik pelaburan yang akan mempercepatkan peralihan negara kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Antara syarikat yang akan menubuhkan hab global dan serantau mereka di Malaysia termasuk Freudenberg-NOK ST, Spansion, Frost & Sullivan, Darden dan IBM.

### **Pelaburan dalam Sektor Perkilangan**

Penurunan atau kelembapan dalam aliran masuk FDI global serta persekitaran global yang semakin kompetitif merupakan cabaran yang dihadapi Malaysia pada tahun 2012. Walaupun dalam keadaan yang mencabar, Malaysia masih mampu menarik sejumlah besar pelaburan dalam sektor perkilangan.

Pada tahun 2012, sebanyak 804 projek perkilangan telah diluluskan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM41 bilion berbanding dengan RM56.1 bilion untuk 846 projek perkilangan pada tahun 2011.

Pelaburan terutamanya adalah dalam kelengkapan pengangkutan (RM7.8 bilion), kimia & produk kimia (RM6.4 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM6 bilion), produk elektrikal & elektronik (RM4 bilion), produk logam asas (RM3.8 bilion), pengeluaran makanan (RM3.4 bilion), jentera & kelengkapan (RM1.9 bilion) dan produk getah (RM1.4 bilion). Lapan industri teratas dari segi pelaburan ini menyumbang kepada RM34.8 bilion atau 85 %

daripada jumlah pelaburan diluluskan. Kesemua industri ini telah mencatatkan paras pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 kecuali bagi produk E&E, produk logam asas dan pengeluaran makanan.

Pelaburan asing dalam sektor perkilangan pada tahun 2012 berjumlah RM20.8 bilion dan telah menyumbang kepada 50.7% daripada jumlah pelaburan. Baki RM20.2 bilion atau 49.3% merupakan pelaburan daripada sumber domestik. Dalam menghadapi cabaran ekonomi global semasa, adalah penting bagi pelaburan domestik mengambil alih dalam memacu transformasi ekonomi Malaysia. Negara berada di landasan yang betul untuk mencapai transformasi ini di mana sumbangan pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2012 telah meningkat daripada 39% pada tahun 2011 kepada 49.3% pada tahun 2012..

Pada tahun lepas, 64% FDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah dari negara-negara Asia. Sumber utama pelaburan asing merupakan negara Jepun (RM2.8 bilion), Saudi Arabia (RM2.6 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), Republik Rakyat China (RM2 bilion) and Republik Korea (RM1.6 bilion). Gabungan lima negara ini telah menyumbang kepada 53.8% jumlah pelaburan asing diluluskan dalam tempoh tersebut.

Malaysia kekal sebagai magnet bagi pelaburan *greenfield*. Negara telah menarik pelaburan baharu yang ketara berjumlah RM26.8 bilion (473 projek) atau 65.4% daripada jumlah pelaburan diluluskan. Syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia juga terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka yang mencerminkan keyakinan berterusan mereka dalam persekitaran pelaburan negara. Sebanyak 331 projek pembesaran/pelbaagian dengan pelaburan berjumlah RM14.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2012. Koridor Wilayah telah menarik 51.7% nilai pelaburan dalam sektor perkilangan pada tahun 2012. Berdasarkan nilai pelaburan dalam projek yang diluluskan dengan Lesen Pengilang, Koridor Pembangunan Sabah telah mencatatkan paras tertinggi (RM5.0 bilion) yang diikuti oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (RM4.6 bilion), Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (RM4.3 bilion), Iskandar Malaysia (RM4.2 bilion) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (RM3.1 bilion).

Projek diluluskan pada tahun 2012 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 76,631 orang di mana 23% (17,422) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) manakala 51% adalah dalam kategori pekerja berkemahiran (38,931). Kebanyakan peluang pekerjaan telah diwujudkan adalah dalam subsektor E&E (18,163 pekerjaan) diikuti dengan kelengkapan pengangkutan (11,669 pekerjaan) dan pengeluaran makanan (7,062 pekerjaan).

Sektor perkilangan negara sedang melalui fasa transformasi dan penstrukturkan semula. Berikutan aktiviti pemasangan bernali ditambah rendah menjadi semakin kurang penting, pihak industri dijangkakan akan mengurangkan pelaburan mereka ke dalam sektor bernali rendah dan meningkatkan aktiviti bernali ditambah baharu yang akan membuka peluang pertumbuhan baharu. Kewujudan ekosistem perniagaan baharu ini akan menyokong pasaran bagi pekerjaan berkemahiran tinggi dan meransang pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan terus melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu pelabur dalam pelaksanaan projek yang diluluskan. MIDA juga akan terus mengurus dan memantau projek di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada dengan tujuan untuk membantu kerajaan negeri dalam menaiktaraf dan memperbaiki infrasturktur asas dalam kawasan perindustrian sedia ada. Ini telah menyumbang kepada satu kadar pelaksanaan yang tinggi dalam projek diluluskan.

Sebanyak 4,245 projek perkilangan telah diluluskan sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,213 projek atau 75.7% telah dilaksanakan di mana 3,005 projek (70.8%) adalah dalam pengeluaran setakat 31 Disember 2012 dan 208 projek (4.9%) berada di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan mesin. Jumlah modal pelaburan dalam 3,213 projek yang dilaksanakan bernali RM147.2 billion.

## **Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan**

Usaha kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia terus membawa hasil pada tahun 2012 dan sektor ini dijangka akan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi dalam dekad ini. Sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 72% daripada pelaburan diluluskan ke dalam ekonomi pada tahun lepas.

Sektor ini meliputi pelbagai jenis perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; pengedaran perdagangan; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

Sebanyak 5,536 projek telah diluluskan pada tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM117.6 bilion yang melebihi jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM70.4 bilion pada tahun 2011 sebanyak 67%. Pelaburan domestik berjumlah RM105.4 bilion telah menyumbang sebanyak 90% daripada pelaburan dengan baki selebihnya adalah daripada pelaburan asing.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor harta tanah terus menjadi penyumbang utama dengan pelaburan diluluskan bernilai RM58.8 bilion diikuti dengan subsektor utiliti (RM12.6 bilion), hotel dan pelancongan (RM8.9 bilion), pengangkutan (RM6.8 bilion) dan telekomunikasi (RM6.6 bilion). Peningkatan pelaburan dalam sektor perkhidmatan mencerminkan liberalisasi dasar ekuiti yang progresif, dan dasar Kerajaan yang menyokong dan memudahkan cara telah meningkatkan tahap daya saing sektor ini dan memberi sumbangan ketara kepada ETP.

## **Pelaburan dalam Sektor Utama**

Sektor utama merangkumi tiga subsektor iaitu pertanian, perlombongan, dan perladangan dan komoditi. Pada tahun 2012, sektor ini telah menarik pelaburan bernilai RM3.8 bilion bagi 102 projek. Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM1.8 bilion (47%) manakala pelaburan domestik bernilai RM2 bilion (53%).

Subsektor perlombongan menerajui subsektor lain dengan pelaburan diluluskan mencecah RM2.7 bilion dalam 18 projek. Pelaburan dalam carigali minyak dan gas merangkumi 99 peratus daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini.

Sektor utama selebihnya terdiri daripada subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan berjumlah RM548.7 juta serta subsektor pertanian yang telah mencatatkan pelaburan bernilai RM507.8 juta.

### **Transformasi Berterusan**

Asas ekonomi negara kekal kukuh walaupun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah berkembang dengan kadar 5.6% pada tahun 2012 berbanding 5.1% pada tahun 2011. *The International Monetary Fund (IMF)* meramalkan bahawa ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.5% pada tahun ini. Ekonomi Malaysia dijangka akan mengekalkan pertumbuhan antara 4.5% dan 5% pada tahun 2013.

Dengan mengambil kira pembangunan ekonomi makro dan masyarakat global dan serantau, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan pendekatan ekosistem bagi mempromosi pelaburan swasta dalam ekonomi. MIDA akan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan pelabur individu yang berpotensi dan memanfaatkan kelebihan kompetitif baharu untuk Malaysia dalam ia mensasarkan produk, teknologi dan perkhidmatan terpilih untuk melengkapkan rantaian nilai ekonomi.

Di samping itu, tumpuan akan diberikan kepada *megatrends* dan pembangunan produk sasaran dan aplikasi teknologi termaju seperti *artificial intelligence*, robotik, percetakan 3D dan teknologi pengeluaran yang lebih bijak dan fleksibel.

Malaysia secara berterusan telah menerima pengiktirafan yang menggalakkan oleh organisasi antarabangsa. *The World Bank Report 2013 Edition* telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-12 paling mesra perniagaan di dunia yang mendahului negara Jerman (tempat ke-20), Jepun (tempat ke-24) dan

Switzerland (tempat ke-28). Ini merupakan kedudukan tertinggi negara sejak Bank Dunia dan *International Finance Corporation* mula mengumpul maklumat kedudukan tahunan pada tahun 2005. Malaysia juga telah disenaraikan sebagai negara ke-25 paling kompetitif di dunia oleh *World Economic Forum* di dalam *Global Competitiveness Report 2012-2013*, yang juga turut mengiktiraf negara telah maju ke hadapan daripada ekonomi yang dipacu oleh kecekapan kepada ekonomi yang dipacu inovasi. Prestasi Malaysia yang kukuh dalam senarai kedudukan antarabangsa akan pasti meningkatkan lagi usaha Negara dalam menarik FDI global.